

Ugut adik dengan pisau gara-gara makanan, lelaki didenda RM2,000

KUCHING: Padah melakukan ugutan jenayah menggunakan sebilah pisau terhadap adiknya gara-gara salah faham berkaitan bekal makanan iaitu ayam, seorang lelaki didenda RM2,000 atau empat bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mohamad Dean Wahap, 45, yang tidak diwakili peguam, mengaku bersalah di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Nuraini Ahmad sebaik didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksamaan.

Mengikut pertuduhan,

tertuduh didakwa melakukan ugutan jenayah dengan memegang sebilah pisau dan mengugut hendak menyebabkan kematian terhadap adiknya yang berusia 39 tahun.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya pada 19 Disember 2025, sekitar jam 5 petang di sebuah rumah di Taman Puteri, Jalan Sultan Tengah di sini.

Berdasarkan keterangan kes, berlaku pertengkaran mulut antara mangsa dengan tertuduh setelah tertuduh memakan makanan yang

mangsa sediakan untuk bekalan ke tempat kerja.

Susulan pertengkaran berkenaan, tertuduh bertindak agresif dengan mengacukan sebilah pisau ke arah mangsa.

Khuatir akan keselamatan diri, mangsa membuat laporan polis dan ini membawa kepada penangkapan tertuduh pada keesokan harinya.

Hasil siasatan polis mendapati perbuatan tertuduh yang mengangkat dan menunjukkan sebilah pisau ke arah mangsa semasa pertengkaran

merupakan suatu ancaman nyata sehingga menyebabkan trauma terhadap mangsa.

Malah, ugutan tersebut dilakukan menggunakan senjata berbahaya iaitu sebilah pisau berukuran 31 sentimeter.

Difahamkan, tertuduh mempunyai rekod lampau membabitkan kesalahan penyalahgunaan dadah dan pernah dijatuhkan hukuman pada 2013.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin.